

Budaya Melayu: Syor luaskan kpd bangsa lain



ENCIK ROHAN

pencak silat
BADAN-BADAN kesenian di sini disarankan supaya jangan menghadkan kegiatan seni budaya Melayu, hanya kepada orang-orang Melayu saja.

- 6 MAY 1980

Sebaliknya, mereka hendaklah meluaskan penglibatan seni ini kepada bangsa-bangsa lain. Demikian kata Anggota Parlimen Telok Blangah, Encik Rohan Kamis.

Berucap di majlis malam Persatuan Alhak di Hotel Shangri-La, Sabtu lalu, Encik Rohan berkata bahawa perluasan penyeritaan itu akan memberi peluang kepada bangsa lain, memahami kesenian budaya Melayu.

Sementara itu, dia juga mengingatkan para pesilat agar berwaspada dalam mempelajari ilmu silat, terutama sekali yang berkaitan dengan kebatinan. Kera-

na mungkin ada ajaran yang tidak cocok dengan ajaran Islam.

Katanya: "Seni kebudayaan Melayu dalam bidang persilatan adalah luas. Tetapi biarlah saya tekankan di sini bahawa dalam mempelajari ilmu silat, terutama sekali silat kebatinan, kita mestilah berwaspada dan mengelakkan ajaran yang tidak cocok dengan ugama Islam."

Demonstrasi

Awal dari itu, Encik Rohan telah melahirkan perasaan bangganya kerana ada persatuan-persatuan di sini yang ingin membangkit dan mengembangkan seni dan kebudayaan Melayu.

Lebih dari 500 orang menghadiri mazhab jamatari tersebut. Antara acara yang dipersembahkan iaitu demonstrasi silat Alhak oleh para pesilat mereka.

Peraduan Esei:
Tak ada karya dlm
20 MAY 1980
B. Arab

pencak silat
TIDAK ada peserta peraduan mengarang esei anjuran Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura (Perpensi), yang menghantar karya mereka dalam bahasa Arab.

Sementara hanya satu saja penyeritaan bahasa Inggeris yang diterima. Demikian diberitahu oleh Ketua Seksi Pelajaran Perpensi, Hajah Kamisan, dalam majlis penyampaian hadiah yang diadakan di Madrasah Ipoh Lane pada Ahad lalu.

Para peserta yang berjaya dalam peraduan esei Bahagian A bahasa Melayu, terdiri dari Saudah Suyat (pertama), Mohd. Rashid Yus (kedua) dan Nuraimah Haji Akib (ketiga).

Hadiyah

Bahagian B pula ialah A. Manaf Mohd Yasin (pertama), Noraidah Haji Akib (kedua) dan Siti Fatimah M.Zainal (ketiga). Sementara Bahagian C Aisah Juhdi (pertama), Siti Alawiyah M.Zainal (kedua) dan Muhammad Bahtier Anang (ketiga).

Peraduan tersebut dianjurkan oleh Perpensi bersempena dengan perayaan Maulud Nabi bagi tahun Hijrah 1400 dan terbuka kepada penduduk Singapura saja.

Setiap pemenang pertama menerima \$100, \$150 dan \$200, mengikut peringkat yang telah ditetapkan. Hadiyah-Hadiyah telah disampaikan oleh Haji Mohamed Amrin dari Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM).

Kanak2 tunjukkan bakat dalam
29 MAY 1980

pencak silat

DUA orang budak ini nampaknya sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengalahkan antara satu dengan lain (lihat gambar).

Tetapi, sebenarnya mereka bukan berlawan untuk merebut hadiah, sebaliknya ingin menunjukkan kebolehan masing-masing dalam seni silat.

Seni Silat Kuningan ini adalah antara acara yang dipersembahkan oleh Himpunan Queenstown, dalam pesta kecil jualan amal Unit Wanita himpunan itu yang berlangsung di pekarangan Masjid Hang Jebat semalam.

Jual murah

Pesta itu telah dimuatkan dengan jualan murah, dan hasil dari kutipannya akan dibahagi kepada dana Masjid Hang Jebat dan sebahagian lagi untuk Himpunan Queenstown.

Isteri Pemangku Menteri Halehwal Masyarakat, Cik Ruzayah Mattar, telah merasmikan pesta tersebut.

Pertubuhan silat jangan dijadikan alat
29 MAY 1980

pencak silat

MELAKA, Rabu — Pertubuhan-pertubuhan seni silat diingatkan jangan menjadi jentera politik mana-mana parti.

"Saya tidak rela melihat badan-badan seni silat dijadikan jentera politik kerana ini akan merosakkan seni silat yang menjadi warisan nenek moyang kita," tegas Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Mohd. Adam hari ini.

Beliau bagaimanapun menyokong langkah pertubuhan atau badan seni silat yang berjuang untuk kepentingan politik negara ini.

"Saya alu-alukan pertubuhan atau badan seni silat yang berjuang kerana mempertahankan kepentingan politik negara demi keselamatan rakyat, bangsa dan agama," katanya.

Ketua Menteri memberitahu demikian sewaktu berucap merasmikan Mesyuarat Agung Pertama Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka di Dewan Institusi Kemahiran MARA Melaka pagi tadi.

Encik Mohd. Adib menegaskan pertubuhan seni silat mestilah dipelopori oleh mereka yang benar-benar memahami apa itu seni silat.

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya yang ke-12 hari ini, mulai 9.00 pagi di Madrasah Al-Ma'rif Al-Islamiah, di Ipoh Lane. Anggota-anggota persatuan itu diminta hadir **29 JUN 1980**